

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1994/95

Oktober 1994

PDP 491 - Kaedah Mengajar Ekonomi I

Masa: [3 jam]

Jawab TIGA (3) soalan. Soalan No. 1 mesti dijawab.

1. Semasa seseorang guru melaksanakan pengajaran dan pemelajaran "sistem kewangan dan sistem barter" dalam mata pelajaran Ekonomi Asas, terdapat pelbagai aktiviti yang boleh dilaksanakan untuk menjadikan pengajaran dan pemelajaran itu menarik dan berkesan.
- a) Bincangkan pelaksanaan pelbagai aktiviti serta contoh-contoh yang sesuai yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pemelajaran di atas.
 - b) Berdasarkan pengalaman anda dalam pemerhatian pengajaran dan pemelajaran mikro pada tajuk berkenaan, bincangkan kelemahan-kelemahan yang sering terdapat pada guru-guru pelatih ekonomi semasa melaksanakan aktiviti pengajaran dan pemelajaran mikro tersebut.
 - c) Kemukakan syor-syor untuk mengatasi kelemahan-kelemahan pengajaran dan pemelajaran tersebut.

[40 markah]

2. a) Bincangkan status mata pelajaran Ekonomi dan Ekonomi Asas dalam sistem pendidikan negara masa kini.
- b) Bincangkan faedah-faedah yang boleh didapati oleh pelajar-pelajar sekolah menengah hasil daripada mempelajari mata pelajaran Ekonomi Asas.

[30 markah]

...2/-

- 2 -

3. Bincangkan dengan ringkas tentang:-

- a) Bahasa Malaysia merentasi kurikulum.
- b) Penerapan nilai-nilai murni
- c) Penggabungjalinan dalam mata pelajaran dan antara mata pelajaran.

Perbincangan anda seharusnya dengan merujuk serta mengemukakan contoh-contoh daripada tajuk-tajuk tertentu dalam mata pelajaran Ekonomi Asas.

[30 markah]

4. "Guru mata pelajaran Ekonomi Asas patut berusaha menggalakkan pelajar-pelajarnya rajin mengemukakan soalan. Disamping itu guru mata pelajaran Ekonomi Asas juga harus mengemukakan soalan kepada pelajar-pelajarnya." Bincangkan.

[30 markah]

5. a) Bincangkan kepentingan penggunaan alat-alat bantu mengajar dalam mata pelajaran Ekonomi Asas.
- b) Berdasarkan tajuk-tajuk tertentu dalam mata pelajaran Ekonomi nyatakan dan jelaskan penggunaan pelbagai alat bantu mengajar yang menjadikan pelajaran itu menarik dan berkesan.

[30 markah]

- oooOooo -